

# Kedudukan Jamaluddin Jarjis dalam TNB belum diputuskan

KUALA LUMPUR 11 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau belum membuat keputusan mengenai kedudukan Datuk Dr. Jamaludin Jarjis yang akan tamat tempoh sebagai Pengerusi Tenaga Nasional Bhd. (TNB) pada 31 Ogos ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau perlu meneliti kertas laporan mengenai rekod prestasi Jamaludin sebelum membuat keputusan.

“Tak tahulah, tengok dulu dia punya kertas, 31 Ogos lambat lagi,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Sukan Berkuda An-

tarabangsa Peringatan 100 Tahun di Kelab Polo Selangor, di sini hari ini.

Jamaludin, 51, yang dilantik ke jawatan tersebut berkuat kuasa 1 September 2000 adalah Ahli Parlimen Rompin, Pahang.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang mengenal pasti beberapa tempat baru untuk dijadikan sebagai kawasan tarikan pelancong.

“Kita baru jumpa satu laluan dalam hutan yang dahulu pernah diguna oleh penduduk untuk berulang alik dari Pahang ke Selangor yang berpotensi untuk dimajukan.

“Kerajaan juga berca-

tempat tumpuan pelancong,” ujarnya.

Mengenai sukan berkuda, Dr. Mahathir berkata, beliau berpuas hati kerana rakyat tempatan telah memberi sambutan menggalakkan terhadap sukan tersebut.

“Tiga rakyat kita yang menang tempat utama hari ini juga telah terpilih untuk mewakili Malaysia ke Sukan Asia di Busan, Korea Selatan pada bulan depan,” jelasnya.

Syed Omar Syed Abu Bakar diumumkan sebagai pemenang tempat pertama pertandingan tersebut diikuti Azni Md. Azar tempat kedua dan Qabil Ambak tempat ketiga.

dang membangunkan sungai-sungai bawah tanah dan beberapa gua sebagai